



# LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA

Malaysian Palm Oil Board (MPOB)

[www.mpob.gov.my](http://www.mpob.gov.my)

Permohonan adalah dipelawa daripada **Warganegara Malaysia** yang berkelayakan untuk berkhidmat di Lembaga Minyak Sawit Malaysia bagi jawatan bertaraf Tetap/Kontrak seperti berikut:

A.	JAWATAN	GRED	GAJI	
			MINIMUM (RM)	MAKSIMUM (RM)
1.	AKAUNTAN	WA41 – WA54	2,820.00	13,180.00
2.	JURUTERA	J41 – J54	2,529.00	13,252.00
3.	PEGAWAI PENYELIDIK	Q41 - Q53	2,315.00	13,248.00
4.	PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT	F41 - F54	2,315.00	13,248.00
5.	PEGAWAI TADBIR	N41 - N54	2,080.00	13,138.00
6.	PUSTAKAWAN	S41 - S54	2,078.00	13,138.00
7.	PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT	FA29 - FA32	1,549.00	6,232.00
8.	PENOLONG AKAUNTAN	W29 - W32	1,498.00	6,259.00
9.	PENOLONG PEGAWAI PENYELIDIK	Q29 - Q32	1,496.00	6,259.00
10.	PENOLONG PEGAWAI TADBIR	N29 - N32	1,493.00	6,256.00
11.	SETIAUSAHA PEJABAT	N29 - N32	1,493.00	6,256.00
12.	PENJAGA JENTERA ELEKTRIK	J19 – J22	1,377.00	4,725.00
13.	PEMBANTU PENYELIDIK	Q19 - Q22	1,355.00	4,696.00
14.	PEMBANTU TADBIR (P/O)	N19 - N22	1,352.00	4,693.00
15.	PEMBANTU AWAM	H11 - H14	1,218.00	3,401.00
16.	PEMANDU KENDERAAN	H11 - H14	1,218.00	3,401.00
17.	PEMBANTU OPERASI	N11 - N14	1,216.00	3,397.00

## B. GAJI DAN ELAUN

Penetapan gaji permulaan : Berasaskan kelayakan, pengalaman dan kemahiran calon.

Elauun : Seperti berikut:

ELAUN/RM	GRED							
	Q53	Q51	Q47	Q43	WA41/ J41 / Q41 /F41 / N41 /S41	FA29 /W29 /Q29 /N29	Q19 / N19/ J19	H11/ N11
Imbuhan Tetap Keraian	800	600	550	400	-	-	-	-
Imbuhan Tetap Perumahan	900	700	700	400	300	300	300	300
Imbuhan Tetap Khidmat Awam	-	-	-	-	300	160	115	95
Bantuan Sara Hidup ( <b>COLA</b> ) : RM150 – RM300 (Tertakluk kepada penempatan)								
Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal ( <b>BIPK</b> ) sebanyak 5% daripada gaji pokok bagi jawatan Jurutera dan Pegawai Penyelidik.								

### C. KEKOSONGAN

BIL.	JAWATAN / GRED	BAHAGIAN	UNIT
1.	Akauntan/ WA41-WA54	Pengurusan Kewangan & Pembangunan	Kewangan & Perolehan
2.	Jurutera/ J41-J54	Pengurusan Kewangan & Pembangunan	Pembangunan & Penyelenggaraan Infrastruktur
3.	Pegawai Penyelidik/ Q41-Q53	Pengurusan Kewangan & Pembangunan	Pembangunan & Penyelenggaraan Infrastruktur
4.	Pegawai Penyelidik/ Q41-Q53	Teknologi Maklumat & Khidmat Korporat	Penerbitan
5.	Pegawai Penyelidik/ Q41-Q53	Penyelidikan Biologi	Entomologi & Mikrobiologi Gunaan
6.	Pegawai Penyelidik/ Q41-Q53	Penyelidikan Kemajuan Bioteknologi & Biakbaka	Bioteknologi Fungsional
7.	Pegawai Penyelidik/ Q41-Q53	Penyelidikan Kejuruteraan & Pemprosesan	Teknologi Biomasa
8.	Pegawai Penyelidik/ Q41-Q53	Penyelidikan Kejuruteraan & Pemprosesan	Pengilangan & Pemprosesan
9.	Pegawai Penyelidik/ Q41-Q53	Penyelidikan Pembangunan Produk & Khidmat Nasihat	Protin & Teknologi Makanan
10.	Pegawai Penyelidik/ Q41-Q53	Penyelidikan Pembangunan Produk & Khidmat Nasihat	Analitikal & Pembangunan Kualiti
11.	Pegawai Penyelidik/ Q41-Q53	Penyelidikan Kemajuan Teknologi Oleokimia	Kejuruteraan Proses & Reka Bentuk
12.	Pegawai Penyelidik/ Q41-Q53	Penyelidikan Integrasi & Pengembangan	Khidmat Pengembangan
13.	Pegawai Penyelidik/ Q41-Q53	Ekonomi & Pembangunan Industri	Pembangunan Industri
14.	Pegawai Teknologi Maklumat/F41-F54	Teknologi Maklumat & Khidmat Korporat	Khidmat Komputer & Multimedia
15.	Pegawai Tadbir/ N41-N44	Pengurusan Kewangan & Pembangunan	Sumber Manusia
16.	Pegawai Tadbir/ N41-N44	Teknologi Maklumat & Khidmat Korporat	Komunikasi Korporat
17.	Pegawai Tadbir/ N41-N54	Ekonomi & Pembangunan Industri	Pembangunan Industri

BIL.	JAWATAN / GRED	BAHAGIAN	UNIT
18.	Pegawai Tadbir/ N41-N44	Ekonomi & Pembangunan Industri	Pembangunan Perdagangan
19.	Pegawai Tadbir/ N41-N44	Pelesenan & Penguatkuasaan	Pelesenan & Penguatkuasaan
20.	Pustakawan/ S41-S54	Teknologi Maklumat & Khidmat Korporat	Maklumat Sawit & Perpustakaan
21.	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat/ FA29-FA32	Teknologi Maklumat & Khidmat Korporat	Khidmat Komputer & Multimedia
22.	Penolong Akauntan/ W29-W32	Pelesenan & Penguatkuasaan	Pelesenan
23.	Penolong Akauntan/ W29-W32	Pengurusan Kewangan & Pembangunan	Kewangan & Perolehan
24.	Penolong Pegawai Penyelidik/Q29-Q32	Pengurusan Kewangan & Pembangunan	Pengurusan Perladangan & Benih
25.	Penolong Pegawai Penyelidik/Q29-Q32	Penyelidikan Kemajuan Bioteknologi & Biakbaka	Bioteknologi Fungsional
26.	Penolong Pegawai Penyelidik/Q29-Q32	Penyelidikan Pembangunan Produk & Khidmat Nasihat	Protin & Teknologi Makanan
27.	Penolong Pegawai Penyelidik/Q29-Q32	Penyelidikan Kejuruteraan & Pemprosesan	Teknologi Biomass
28.	Penolong Pegawai Tadbir/N29-N32	Pengurusan Kewangan & Pembangunan	Pembangunan Insan & Pengurusan Persidangan
29.	Penolong Pegawai Tadbir/N29-N32	Pengurusan Kewangan & Pembangunan	Sumber Manusia
30.	Penolong Pegawai Tadbir/N29-N32	Pelesenan & Penguatkuasaan	Pelesenan
31.	Penolong Pegawai Tadbir/N29-N32	Penyelidikan Ekonomi & Pembangunan Industri	Pembangunan Perdagangan
32.	Setiausaha Pejabat/ N29-N32	Penyelidikan Ekonomi & Pembangunan Industri	Tekno-Ekonomi
33.	Setiausaha Pejabat/ N29-N32	Penyelidikan Ekonomi & Pembangunan Industri	Pejabat Am Pengarah Bahagian
34.	Penjaga Jentera Elektrik/J19-J22	Pengurusan Kewangan & Pembangunan	Pengurusan Perladangan & Benih

BIL.	JAWATAN / GRED	BAHAGIAN	UNIT
35.	Pembantu Penyelidik /Q19-Q22	Kemajuan Bioteknologi & Biakbaka	Biakbaka & Tisu Kultur
36.	Pembantu Penyelidik /Q19-Q22	Penyelidikan Biologi	Agronomi & Teknologi Geospasial
37.	Pembantu Penyelidik /Q19-Q22	Penyelidikan Kejuruteraan & Pemprosesan	Pengilangan & Pemprosesan
38.	Pembantu Penyelidik /Q19-Q22	Penyelidikan Kejuruteraan & Pemprosesan	Tenaga & Persekitaran
39.	Pembantu Penyelidik /Q19-Q22	Penyelidikan Pembangunan Produk & Khidmat Nasihat	Analitikal & Pembangunan Kualiti
40.	Pembantu Penyelidik /Q19-Q22	Penyelidikan Pembangunan Produk & Khidmat Nasihat	Protin & Teknologi Makanan
41.	Pembantu Penyelidik /Q19-Q22	Penyelidikan Kemajuan Teknologi Oleokimia	Kejuruteraan Proses & Reka Bentuk
42.	Pembantu Penyelidik /Q19-Q22	Teknologi Maklumat & Khidmat Korporat	Penerbitan
43.	Pembantu Penyelidik /Q19-Q22	Pengurusan Kewangan & Pembangunan	Pengurusan Perladangan & Benih
44.	Pembantu Penyelidik /Q19-Q22	Penyelidikan Integrasi & Pengembangan	Khidmat Pengembangan
45.	Pembantu Tadbir (P/O)/N19-N22	Pengurusan Kewangan & Pembangunan	Kewangan & Perolehan
46.	Pembantu Tadbir (P/O)/N19-N22	Pengurusan Kewangan & Pembangunan	Sumber Manusia
47.	Pembantu Tadbir (P/O)/N19-N22	Pengurusan Kewangan & Pembangunan	Pengurusan Perladangan & Benih
48.	Pembantu Tadbir (P/O)/N19-N22	Pengurusan Kewangan & Pembangunan	Pembangunan Insan & Pengurusan Persidangan
49.	Pembantu Tadbir (P/O)/N19-N22	Teknologi Maklumat & Khidmat Korporat	Penerbitan
50.	Pembantu Tadbir (P/O)/N19-N22	Pelesenan & Penguatkuasaan	Pelesenan & Penguatkuasaan
51.	Pembantu Tadbir (P/O)/N19-N22	Ekonomi & Pembangunan Industri	Pembangunan Industri
52.	Pembantu Tadbir (P/O)/N19-N22	Ekonomi & Pembangunan Industri	Pembangunan Perdagangan

BIL.	JAWATAN / GRED	BAHAGIAN	UNIT
53.	Pembantu Tadbir (P/O)/N19-N22	Penyelidikan Biologi	Entomologi & Mikrobiologi Gunaan
54.	Pembantu Awam/ H11-H14	Pengurusan Kewangan & Pembangunan	Pembangunan & Penyelenggaraan Infrastruktur
55.	Pembantu Awam/ H11-H14	Teknologi Maklumat & Khidmat Korporat	Penerbitan
56.	Pembantu Awam/ H11-H14	Penyelidikan Biologi	Entomologi & Mikrobiologi Gunaan
57.	Pembantu Awam/ H11-H14	Penyelidikan Biologi	Agronomi & Teknologi Geospasial
58.	Pembantu Awam/ H11-H14	Penyelidikan Kemajuan Bioteknologi & Biakbaka	Biakbaka & Tisu Kultur
59.	Pembantu Awam/ H11-H14	Penyelidikan Integrasi & Pengembangan	Integrasi Tanaman & Ternakan
60.	Pemandu Kenderaan/ H11-H14	Pejabat Timbalan Ketua Pengarah	Pejabat Am Timbalan Ketua Pengarah
61.	Pemandu Kenderaan/ H11-H14	Pengurusan, Kewangan & Pembangunan	Sumber Manusia
62.	Pemandu Kenderaan/ H11-H14	Penyelidikan Biologi	Pejabat Am
63.	Pemandu Kenderaan/ H11-H14	Penyelidikan Pembangunan Produk & Khidmat Nasihat	Khidmat Nasihat Teknikal
64.	Pemandu Kenderaan/ H11-H14	Pelesenan & Penguatkuasaan	Pelesenan & Penguatkuasaan
65.	Pembantu Operasi/ N11-N14	Penyelidikan Biologi	Agronomi & Teknologi Geospasial
66.	Pembantu Operasi/ N11-N14	Penyelidikan Biologi	Pejabat Am

## KELAYAKAN / PENGALAMAN BEKERJA

### JAWATAN 1 – AKAUNTAN

#### BAHAGIAN PENGURUSAN KEWANGAN & PEMBANGUNAN

##### Kelayakan:

- (i) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred WA41: RM2,820.00); atau

- (ii) Lulus peperiksaan akhir Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan. (Gaji permulaan ialah pada Gred WA41: RM2,820.00); atau
- (iii) Lulus Peperiksaan Kelayakan (QE) Institut Akauntan Malaysia (MIA). (Gaji permulaan ialah pada Gred WA41: RM2,820.00).

## **JAWATAN 2 – JURUTERA**

### **BAHAGIAN PENGURUSAN KEWANGAN & PEMBANGUNAN**

#### **Kelayakan:**

Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf dengannya.  
(Gaji Permulaan pada Gred J41 : RM2,529.00).

#### **Bidang Pengkhususan:**

Kejuruteraan Awam

## **JAWATAN 3 – PEGAWAI PENYELIDIK**

#### **Kelayakan:**

- (i) Ijazah Sarjana Muda kepujian dalam bidang sains yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred Q41: RM2,315.00); atau
- (ii) Ijazah Sarjana Muda dalam bidang pertanian atau perikanan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred Q41: RM2,418.66); atau
- (iii) Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred Q41: RM2,522.44); atau
- (iv) Ijazah Doktor Perubatan Veterinar yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred Q41: RM2,730.00); atau
- (v) Ijazah Sarjana dalam bidang sains atau kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred Q41: RM2,833.78); atau
- (vi) Ijazah Doktor falsafah (PhD) dalam bidang sains atau kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred Q41: RM3,145.11).

**(Calon berkelayakan dan berpengalaman yang berjaya akan ditawarkan pada gred yang lebih tinggi mengikut kesesuaian)**

## **BAHAGIAN PENGURUSAN KEWANGAN & PEMBANGUNAN**

### **Kelayakan:**

Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

Lulus peperiksaan kursus Pegawai Keselamatan dan Kesihatan daripada NIOSH atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

### **Bidang Pengkhususan:**

Kejuruteraan / Kejuruteraan Kimia

### **Keutamaan:**

Calon yang mempunyai sekurang-kurangnya 3 tahun pengalaman kerja berkaitan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan. Calon daripada Kejuruteraan Kimia adalah digalakkan memohon

## **BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT & KHIDMAT KORPORAT**

### **Bidang pengkhususan:**

Sains / Pertanian / Kejuruteraan atau cabang Sains

### **Keutamaan:**

Calon-calon yang telah berkhidmat tidak kurang daripada 10 tahun dan mempunyai pengalaman luas dalam bidang penyuntingan artikel saintifik & teknikal dan penerbitan jurnal dalam Bahasa Inggeris/ Bahasa Malaysia. Pemerhatian yang teliti dan boleh bekerja di bawah pengawasan yang minima. Mempunyai kecekapan menggunakan perisian komputer yang berkenaan.

## **BAHAGIAN PENYELIDIKAN BIOLOGI**

### **Bidang Pengkhususan:**

Pertanian / Pengurusan Ladang / Bio-Industri

### **Keutamaan:**

Berpengalaman sekurang-kurangnya 1-2 tahun dalam pengurusan musuh dan serangga perosak serta pembajaan tanah.

## **BAHAGIAN PENYELIDIKAN KEMAJUAN BIOTEKNOLOGI & BIAKBAKA**

### **Bidang Pengkhususan:**

Bioteknologi Tumbuhan/ Biologi Molekul / Biologi Sel

### **Keutamaan:**

Calon-calon yang mempunyai pengalaman dan pengetahuan dalam bidang penyelidikan dan pembangunan berkaitan bidang biologi molekul, biologi sel, kejuruteraan genetik, pemencilan dan pencirian gen dan promoter, tumbuhan model dan pertalian hormon dan pertumbuhan sawit merupakan satu kelebihan. Calon perlu mempunyai sekurang-kurangnya ijazah Sarjana Sains. Calon mestilah mampu berkomunikasi serta fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.

Keutamaan kepada calon yang mempunyai pengalaman dalam mengendalikan kajian fungsi gen menggunakan tumbuhan model, analisis molekul tumbuhan dan analisis hormon tumbuhan.

## **BAHAGIAN PENYELIDIKAN KEJURUTERAAN & PEMROSESAN**

- **Unit Teknologi Biomas**

**Bidang Pengkhususan:**

Kejuruteraan / Teknologi Alam Sekitar, Kimia Proses Enzim, Teknologi Bio-proses

**Keutamaan:**

Keutamaan akan diberikan kepada calon-calon yang mempunyai pengalaman dan pengetahuan dalam bidang penyelidikan rawatan alam sekitar, pemprosesan biojisim dan sisa kumbahan, serta berkebolehan untuk mengendalikan peralatan-peralatan makmal seperti HPLC, UPLC, GC dan analisis-analisis pencirian enzim dan mikro-biologi. Berpengalaman dalam bidang penyelidikan dan pembangunan didalam industri bio-baja. Graduan yang tidak mempunyai pengalaman juga digalakkan memohon. Calon mestilah fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dengan baik.

- **Unit Pengilangan & Pemprosesan**

**Bidang Pengkhususan:**

Kejuruteraan Kimia / Kejuruteraan Mekanikal / Kejuruteraan Bioproses / Kimia Gunaan / Kimia Analisis / Kimia Organik / Kejuruteraan Alam Sekitar

**Keutamaan:**

Keutamaan akan diberikan kepada calon-calon yang mempunyai pengalaman dan pengetahuan dalam bidang penyelidikan pengilangan sawit, sisa buangan sawit dan pembangunan industri minyak dan lemak, fitonutrien, sumber tenaga dan bahan api serta berkebolehan untuk mengendalikan peralatan-peralatan makmal seperti HPLC, GC dan analisis-analisis pencirian bahan api.

Berpengalaman dalam bidang penyelidikan dan pembangunan didalam industri minyak sawit, dalam bidang simulasi dengan perisian komputer seperti Aspen Plus, Hysis, AutoCAD dan sebagainya. Graduan yang tidak mempunyai pengalaman juga digalakkan memohon. Calon mestilah fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dengan baik.

## **BAHAGIAN PENYELIDIKAN PEMBANGUNAN PRODUK & KHIDMAT NASIHAT**

- **Unit Protin & Teknologi Makanan**

**Bidang Pengkhususan :**

Sains & Teknologi Makanan / pemprosesan dan kejuruteraan makanan/ pemakanan haiwan atau ternakan

**Keutamaan :**

Berpengetahuan dalam bidang berkaitan proses modifikasi lemak dan minyak seperti interesterifikasi (interesterification) samada secara kimia atau berenzim, penulinan (refining) dan pemeringkatan (*fractionation*), berpengetahuan dalam bidang pemprosesan atau pembuatan makanan atau makanan haiwan ternakan. Berpengetahuan dalam bidang kajian dan analisis saintifik asas ke atas minyak dan lemak serta mampu dan mahir mengendalikan instrument asas dalam analisis lemak dan minyak seperti HPLC, DSC, GC adalah keutamaan. Calon mestilah mempunyai sifat-sifat kepimpinan dan kemahiran komunikasi lisan dan penulisan saintifik serta berpenampilan diri yang baik. Mesti fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan juga Bahasa Inggeris bagi tujuan pembentangan teknikal dan penulisan saintifik. Calon hendaklah mempunyai sikap positif, dedikasi, berdikari, pro-aktif, bertanggungjawab mempunyai kemahiran komunikasi dan interpersonal yang baik.



- **Unit Analitikal & Pembangunan Kualiti**

**Bidang Pengkhususan:**

Kimia Analitikal / Kimia Organik / Teknologi Minyak dan Lemak / Kimia

**Keutamaan:**

Memiliki sekurang-kurangnya MSc, berpengetahuan dalam bidang kimia minyak dan pemrosesan minyak. Berpengalaman sekurang-kurangnya lima (5) tahun dalam mengendalikan analisis kualiti produk sawit, berkemahiran dalam menafsir data kualiti produk sawit dan boleh menghubungkan kaitkan masalah kualiti dengan keadaan operasi. Berpengetahuan dalam mengendalikan urusan berkenaan Malaysian Standard, contohnya semakan semula Malaysian Standard yang berkaitan dengan spesifikasi dan analisis minyak sawit. Mempunyai pengalaman dalam berurusan dengan pihak industri sawit serta menyelesaikan masalah berkenaan kualiti produk sawit dengan pihak industri. Mempunyai pengalaman kerjasama dengan institusi lain dalam mengendalikan projek penyelidikan mahupun topik penyelidikan bersama. Calon mestilah ahli kimia bertauliah dan berdaftar dengan Institut Kimia Malaysia. Calon berpengetahuan dalam menjalankan aktiviti surveilan bagi memastikan kualiti produk sawit yang dihasilkan. Calon juga harus berpengetahuan dalam ISO 17025, terutamanya dalam menyediakan makmal untuk akreditasi. Calon mestilah fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan juga Inggeris. Kemahiran IT/komputer dan statistik dialu-alukan. Calon hendaklah mempunyai sikap kerjasama dalam kumpulan, positif, dedikasi, berdikari, pro-aktif, bertanggungjawab, mempunyai kemahiran komunikasi dan interpersonal yang baik.

## **BAHAGIAN PENYELIDIKAN KEMAJUAN TEKNOLOGI OLEOKIMIA**

**Bidang Pengkhususan:**

Kejuruteraan Kimia / Kimia Organik / Oleokimia

**Keutamaan:**

Calon yang mempunyai pengalaman dan pengetahuan dalam bidang oleokimia dan analisis kimia serta berkebolehan untuk mengendalikan peralatan makmal seperti HPLC, GC, FTIR dan lain-lain analisis pencirian bahan atau produk. Calon mestilah mempunyai kemahiran berkomunikasi dan interpersonal yang baik serta fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Calon dengan kemahiran IT dan statistik seperti SPSS diutamakan.

## **BAHAGIAN PENYELIDIKAN INTEGRASI & PENGEMBANGAN**

**Bidang Pengkhususan:**

Pertanian / Pengurusan Ladang / Bio-industri / Pengembangan Pertanian/Statistik / Ekonomi Sumber / Sains Komputer & ICT

**Keutamaan:**

Berpengalaman bekerja di agensi atau estet berkaitan sawit.

## **BAHAGIAN EKONOMI & PEMBANGUNAN INDUSTRI**

**Bidang Pengkhususan:**

Perdagangan Antarabangsa / Ekonomi Pertanian / Pemasaran / Pentadbiran Perniagaan

**Keutamaan:**

Memiliki PhD serta berpengalaman akan diberi keutamaan dan mestilah fasih bertutur dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Berpengalaman mengenai analisa ekonomi dengan menggunakan komputer.

## JAWATAN 4 - PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT

### BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT & KHIDMAT KORPORAT

#### Kelayakan:

- (i) Ijazah Sarjana Muda kepujian dalam bidang sains komputer dan teknologi maklumat atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred F41: RM2,315.00); atau
- (ii) Ijazah Sarjana Muda kejuruteraan dalam bidang komputer atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred F41: RM2,522.44); atau
- (iii) Ijazah Sarjana dalam bidang sains komputer, teknologi maklumat, kejuruteraan komputer atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred F41: RM2,833.78); atau
- (iv) Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang sains komputer, teknologi maklumat, kejuruteraan komputer atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred F41: RM3,145.11).

## JAWATAN 5 - PEGAWAI TADBIR

#### Kelayakan:

- (i) Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred N41: RM2,080.00); atau
- (ii) Ijazah Sarjana Muda kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya  
(Gaji permulaan ialah pada Gred N41: RM2,283.43)

### BAHAGIAN PENGURUSAN KEWANGAN & PEMBANGUNAN

#### Bidang Pengkhususan:

Pentadbiran Awam / Ekonomi / Kewangan / Pembangunan Manusia / Sains Pengurusan / Pentadbiran Perniagaan.

#### Keutamaan:

Calon yang berpengalaman pengurusan sumber manusia akan diberikan keutamaan dan mestilah fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris

### BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT & KHIDMAT KORPORAT

#### Bidang Pengkhususan:

Sains Pengurusan / Pentadbiran Perniagaan/Komunikasi

**Keutamaan:**

Keutamaan akan diberikan kepada calon-calon yang fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris serta bersedia bertugas di luar pejabat. Berpengalaman sekurang-kurangnya setahun dalam bidang pertanian atau industri kelapa sawit.

**BAHAGIAN EKONOMI & PEMBANGUNAN INDUSTRI****Bidang Pengkhususan :**

Pengurusan Perniagaan/ Pentadbiran Perniagaan / Ekonomi Pertanian / Pemasaran /Undang-Undang

**Keutamaan:**

Calon mestilah mempunyai pengalaman atau pengetahuan dalam penganalisaan data melalui tesis atau kajian kes tahun akhir di Institusi-Institusi pengajian tinggi. Calon yang berpengalaman akan diberikan keutamaan dan mestilah fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.

**BAHAGIAN PELESENAN & PENGUATKUASAAN****Bidang Pengkhususan :**

Pengurusan Perniagaan/ Pentadbiran Perniagaan / Undang-Undang / Forensik Siber

**Keutamaan:**

Calon mestilah mempunyai pengalaman atau pengetahuan dalam penganalisaan data melalui tesis atau kajian kes tahun akhir di Institusi-Institusi pengajian tinggi. Calon yang berpengalaman akan diberikan keutamaan dan mestilah fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.

**JAWATAN 6 - PUSTAKAWAN****BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT & KHIDMAT KORPORAT****Kelayakan:**

- (i) Ijazah Sarjana Muda kepujian Sains Pengajian Maklumat (Pengurusan Perpustakaan dan Maklumat atau Pengurusan Pusat Sumber Maklumat) yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred S41: RM2,281.86); atau
- (ii) Ijazah Sarjana Muda kepujian dalam bidang perpustakaan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred S41: RM2,281.86); atau
- (iii) Ijazah Sarjana Sains Perpustakaan dan Maklumat yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred S41: RM2,588.49)

**Bidang Pengkhususan:**

Sains Perpustakaan / Pengurusan Sistem Maklumat

**Keutamaan:**

- (i) Calon mestilah mempunyai Ijazah Sarjana atau Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) dalam bidang Pengajian Maklumat dan Pengurusan Sistem Maklumat dengan keutamaan dalam bidang ICT, Sistem Pengurusan Pangkalan Data dan Pengurusan Sumber Elektronik/Internet.
- (ii) Calon mestilah fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Keutamaan kepada calon yang fasih bertutur dan menulis di dalam Bahasa Inggeris.
- (iii) Calon mestilah mempunyai kemahiran berkomunikasi, sifat interpersonal yang baik, pro-aktif, inovatif dan boleh mengendalikan pertanyaan dan khidmat pelanggan dengan efektif dan efisien.
- (iv) Keutamaan akan diberikan kepada calon-calon yang mempunyai pengalaman dan cekap di dalam bidang penyelenggara Sistem Pangkalan Data Perpustakaan, pengurusan sumber maklumat atas-talian (*online*) dan kemahiran ICT yang lain.
- (v) Bertanggungjawab mengendalikan Sistem Perpustakaan MPOB dan laman web PALMOILIS (*Palm Oil Information Online Service*).

**JAWATAN 7 - PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT****Kelayakan:**

- (i) Sijil dalam bidang teknologi maklumat atau prosesan data yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred FA29: RM1,549.00); atau
- (ii) Sijil dalam bidang kejuruteraan komputer yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred FA29: RM1,549.00); atau
- (iii) Diploma dalam bidang sains komputer atau teknologi maklumat yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred FA29: RM1,855.00); atau
- (iv) Diploma dalam kejuruteraan komputer yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred FA29: RM1,929.89)

**JAWATAN 8 - PENOLONG AKAUNTAN****Kelayakan:**

- (i) Sijil dalam bidang pengajian perniagaan atau penyimpan kira yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred W29: RM1,510.92); atau
- (ii) *Certified Accounting Technician (CAT)* yang diiktiraf oleh Kerajaan. (Gaji permulaan ialah pada Gred W29: RM1,510.92); atau

- (iii) Diploma dalam bidang pengajian perniagaan, kewangan, perbankan atau perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred W29: RM1,776.08); atau
- (iv) *Licentiate of The Chartered Institute of Secretaries and Administrators of United Kingdom* dalam bidang kewangan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred W29: RM2,001.68)

#### **JAWATAN 9 - PENOLONG PEGAWAI PENYELIDIK**

**Kelayakan:**

- (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan mendapat Prinsipal dalam subjek Matematik atau salah satu subjek sains.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred Q29: RM1,496.00); atau
- (ii) Sijil dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred Q29: RM1,496.00); atau
- (iii) Sijil Pertanian atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred Q29: RM1,496.00); atau
- (iv) Sijil Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia **jurusan Sains dan Teknikal** .  
(Gaji permulaan ialah pada Gred Q29: RM1,496.00)  
(selaras dengan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2016)
- (v) Diploma dalam bidang sains yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred Q29: RM1,774.37); atau
- (vi) Diploma dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred Q29: RM1,849.57); atau
- (vii) Diploma Sains Veterinar/Haiwan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred Q29: RM1,924.77)

#### **JAWATAN 10 - PENOLONG PEGAWAI TADBIR**

**Kelayakan:**

- (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred N29: RM1,493.00); atau
- (ii) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred N29: RM1,493.00); atau

- (iii) Sijil Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia semua **jurusan atau aliran**.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred N29: RM1,493.00)  
(selaras dengan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2016)
- (iv) Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred N29: RM1,770.95)

#### **JAWATAN 11 - SETIAUSAHA PEJABAT**

**Kelayakan:**

- (i) Diploma Sains Kesetiausahaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred N29: RM1,493.00); atau
- (ii) Diploma Pengurusan dan Teknologi Pejabat daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred N29: RM1,770.95)

#### **JAWATAN 12 – PENJAGA JENTERA ELEKTRIK**

**Kelayakan:**

Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta sekurang-kurangnya Sijil Kekompetenan Kategori A0 (Sistem Voltan Rendah) yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

Gaji permulaan di Gred J19 ditetapkan mengikut Kategori Sijil Kekompetenan:

- A0/A1 : RM1,435.12
- A4-2/A4-1/A4 : RM1,493.24
- B0-2/BO-1/B0/B1/B4 : RM1,551.36

#### **JAWATAN 13 - PEMBANTU PENYELIDIK**

**Kelayakan:**

- (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; atau  
(Gaji permulaan ialah pada Gred Q19: RM1,355.00); atau
- (ii) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred Q19: RM1,355.00); atau
- (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred Q19: RM1,411.40); atau
- (iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred Q19: RM1,467.80)

#### JAWATAN 14 - PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI)

**Kelayakan:**

- (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. (Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,352.00); atau
- (ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,408.40); atau
- (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,464.80)

**Keutamaan:**

Berpengalaman sekurang-kurangnya 1-2 tahun dalam menjalankan tugas-tugas perkeranian selaras dengan fungsi tugas Jabatan/Bahagian yang berkenaan seperti tugas-tugas penyelenggaraan fail/dokumen, pengiraan, penyediaan laporan bulanan, serta penyediaan statistik.

#### JAWATAN 15 - PEMBANTU AWAM

**Kelayakan:**

Pentaksiran Tingkatan Tiga / Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. (Gaji permulaan ialah pada Gred H11: RM1,218.00)

#### JAWATAN 16 - PEMANDU KENDERAAN

**Kelayakan:**

- (i) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
- (ii) Lesen memandu Kelas D/E/E1/E2/F/G/H/I yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P)]; dan
- (iii) Berkebolehan memandu, mengendalikan dan menyenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini.

Gaji permulaan Gred H11 ditetapkan mengikut Kelas Lesen Memandu:

- Lesen D : RM1,264.15
- Lesen E/E1/E2 : RM1,310.30
- Lesen F/H : RM1,356.45
- Lesen G/I : RM1,402.60

## JAWATAN 17 - PEMBANTU OPERASI

### Kelayakan:

- (i) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred N11: RM1,216.00); atau
- (ii) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan memiliki lesen memandu Kelas B2/B/D/E2/E1/E yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali Lesen Memandu Percubaan (P)].  
(Gaji permulaan ialah pada Gred N11: RM1,262.15)

### D. UMUR

Calon lantikan terus hendaklah berumur tidak kurang dari 18 tahun hingga had umur pelantikan pada tarikh tutup iklan jawatan adalah seperti berikut;

- (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
- (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
- (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

### E. KEPERLUAN BAHASA

#### Jawatan 1 - 14

**Kepujian** Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

#### Jawatan 15 - 17

**Kepujian** Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu pada peringkat Penilaian Menengah Rendah (PMR) atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

### F. PERMOHONAN

- (i) Permohonan hendaklah dikemukakan dengan menggunakan **borang secara online** yang boleh diperolehi dari **laman sesawang Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)**; [www.mpob.gov.my](http://www.mpob.gov.my)
- (ii) Pemohon **TIDAK PERLU MENGHANTAR** salinan sijil-sijil sehingga dihubungi oleh pihak sekretariat.
- (iii) Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas **TIGA (3) bulan** dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonannya tidak berjaya.
- (iv) Tarikh tutup iklan jawatan pada **6 Disember 2017**.



Sebarang pertanyaan, sila hubungi;

1. **Urusan Teknikal/Sistem Online**

En. Amir bin Othman (amir@mpob.gov.my) - 03-78022828

2. **Maklumat Iklan Kekosongan Jawatan**

- Pn. Hasiah binti Embong (hasiah@mpob.gov.my) - 03-87694686
- En. Nurul Izwan bin Harun Al-Rashid ([iezwan@mpob.gov.my](mailto:iezwan@mpob.gov.my)) - 03-87694692
- Pn. Noriza binti Ujang (neng@mpob.gov.my) - 03-87694694
- Pn. Ziton binti Noh (ziton@mpob.gov.my) - 03-87694393